

MyGovUC e-BULETIN



EDISI 1.0

KATA-KATA ALUAN PENGURUS PROJEK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi Wabaratuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T atas kelancaran pelaksanaan peralihan perkhidmatan MyGovUC 2.0 kepada MyGovUC 3.0 pada 14 Februari 2024. Perkhidmatan MyGovUC 3.0 ini merupakan kesinambungan perkhidmatan MyGovUC 2.0 yang diuruskan secara berpusat di Jabatan Digital Negara yang menggabungkan saluran-saluran komunikasi seperti e-mel, persidangan video/audio dan *chat*.

e-Buletin edisi kali pertama MyGovUC 3.0 bertujuan untuk memperkenalkan MyGovUC 3.0 sebagai satu platform perkhidmatan komunikasi dan kerjasama yang digunakan untuk meneruskan dan membantu negara kearah pendigitalan selaras dengan hasrat Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan telekomunikasi yang baik serta menyokong pertumbuhan ekonomi dalam dunia digital. Justeru, *Software as a Service (SaaS)* di dalam perkhidmatan ini meneruskan platform Google Workspace (GWS) dan disokong oleh perkhidmatan aplikasi sokongan. Terdapat juga pertandingan eKviz di dalam e-Buletin ini bagi menguji kefahaman pengguna terhadap kemudahan perkhidmatan yang ada di dalam MyGovUC 3.0.

Di kesempatan ini juga, tidak terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya dan Maaf Zahir Batin kepada semua pengguna MyGovUC 3.0 yang beragama Islam. Semoga di bulan Syawal yang mulia ini berterusan membawa kedamaian, kebahagiaan, dan keberkatan kepada kita semua.

Akhir kalam, marilah kita bersama-sama menjunjung persefahaman dalam mewujudkan kecemerlangan dalam pelaksanaan penggunaan perkhidmatan MyGovUC 3.0. Segala sokongan dan kerjasama yang diberikan adalah amat dihargai dan memainkan peranan yang penting dalam keseluruhan usaha ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Mahanum Binti Daim
Pengurus Projek MyGovUC 3.0
Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur Dan Keselamatan Digital
Jabatan Digital Negara

ISI KANDUNGAN

1

MENGENAI MyGovUC 3.0

- ▶ LATAR BELAKANG PERKHIDMATAN MyGovUC 3.0
- ▶ PASUKAN PROJEK MyGovUC 3.0 (JDN)
- ▶ PASUKAN PROJEK MyGovUC 3.0 (REDTONE)
- ▶ PERBEZAAN MyGovUC 2.0 & 3.0

2

PERKHIDMATAN MyGovUC 3.0

- ▶ PERKHIDMATAN *SOFTWARE AS A SERVICE (SaaS)* MyGovUC 3.0
- ▶ PERKHIDMATAN APLIKASI SOKONGAN MyGovUC 3.0

3

AKTIVITI AKAN DATANG!

4

RUJUKAN

5

EKUIZ



SELAMAT HARI RAYA

Cidilfitri

Bulan Syawal tiba-tiba bergema,
Kasih mesra di hati bersama,
MyGovUC 3.0 inovasi terkemuka,
Raya diraih, semangat membara.



LATAR BELAKANG PERKHIDMATAN



Perkhidmatan Komunikasi dan Kolaboratif Bersepadu Kerajaan (MyGovUC 3.0) merupakan perkhidmatan *managed services* yang diuruskan secara berpusat oleh Jabatan Digital Negara (JDN).



14 Februari 2024

Peralihan perkhidmatan MyGovUC 2.0 ke MyGovUC 3.0.

PERKHIDMATAN SOFTWARE AS A SERVICE (SAAS)



E-mel




Penghantaran Fail Bersaiz Besar (DRIVE)



Persidangan Dalam Talian (MEET)



Perbualan Secara Berkumpulan (CHAT)



Perkhidmatan Komunikasi Dan Kolaboratif (SITES)

PERKHIDMATAN MyGovUC 3.0

PERKHIDMATAN APLIKASI SOKONGAN



Sistem Pengurusan Maklumat Pengguna (SPMP)



Sistem Penghantaran Dokumen Sulit dan Terhad (SPDT)




Perkhidmatan Mail Relay




Portal MyGovUC

PASUKAN PROJEK MyGovUC 3.0- JDN



PASUKAN PROJEK MyGovUC 3.0- REDTONE



PERBEZAAN DI ANTARA MyGovUC 2.0 & MyGovUC 3.0

MyGovUC 2.0

*Malaysia Secured Cell Unified
Communication (MySCUC)*

**Sistem Pengurusan
Profil Pengguna (UPMS)**

Portal Rasmi MyGovUC 2.0

MyGovUC 3.0

**Sistem Penghantaran
Dokumen Sulit dan Terhad
(SPDT)**

**Sistem Pengurusan
Maklumat Pengguna (SPMP)**

Portal Rasmi MyGovUC 3.0

E-MEL



Perkhidmatan e-mel MyGovUC membolehkan pengguna berkomunikasi antara satu sama lain dengan cepat dan pantas dalam bentuk mesej elektronik. Perkhidmatan e-mel MyGovUC mempunyai ciri-ciri berikut:






E-mel hanya boleh diterima atau dihantar ketika *online*. Walaubagaimanapun, ketika *offline*, pengguna boleh menulis, membaca, mencari atau menghapus e-mel.




Saiz storan yang tersedia untuk pengguna (gov.my) adalah 1 TB.

PENGHANTARAN E-MEL SECARA BERJADUAL

Penghantaran e-mel secara berjadual boleh ditetapkan oleh pengguna mengikut tarikh dan masa yang dikehendaki.



KALENDAR



Pengguna boleh **menjadualkan** mesyuarat dan aktiviti dengan mudah menggunakan kalendar. Peringatan tentang aktiviti akan datang juga akan diberikan apabila menggunakan fungsi kalendar. Pengguna boleh berkongsi jadual dengan orang lain melalui perkhidmatan ini.




Kelebihan Kalendar

Menjimatkan masa penjadualan mesyuarat dengan meletakkan lebih dari satu kalendar pengguna dalam satu paparan.

Penghantar dapat memastikan semua penerima sentiasa di dalam *loop* dengan berkongsikan aktiviti penting dengan penerima lain di Kalendar.

PENGUNAAN TASK DI KALENDAR

Task adalah aplikasi untuk menguruskan tugas serta memberikan peringatan mengenai tugas yang akan datang.




PERSIDANGAN DALAM TALIAN (MEET)



Persidangan dalam talian memudahkan pengguna untuk **berhubung, bekerjasama dan berkolaborasi** dari pelbagai lokasi.

CIRI-CIRI APLIKASI MEET ADALAH:




Persidangan dalam talian ini akan dienkrirkan




MEMULAKAN PERSIDANGAN DALAM TALIAN (MEET)

Langkah 1:




Log masuk ke akaun GWS anda melalui pautan <https://mygovuc.gov.my>

Langkah 2:




Klik pada 9 dots

Langkah 3:



Klik pada Meet


Langkah 4:



Pilih di antara tiga pilihan untuk memulakan persidangan

1


CREATE MEETING FOR LATER



Kongsi pautan mesyuarat kepada pengguna untuk mengadakan persidangan video MyGovUC 3.0 pada masa akan datang.

2


START AN INSTANT MEETING



Klik pada butang *add others* atau kongsi pautan untuk memulakan persidangan serta merta.

3

SCHEDULE IN GOOGLE CALENDAR



Persidangan diadakan melalui jemputan kalendar.



PENGHANTARAN FAIL BERSAIZ BESAR (DRIVE)

Pengguna boleh **menyimpan dan berkongsi dokumen** dengan pengguna lain secara atas talian dalam keadaan selamat dan mudah diakses.

Dokumen dapat disimpan dengan lebih efisien berbanding disimpan di dalam *hardcopy*



Ruang storan yang mencukupi untuk pengguna




Penghantaran fail kepada lebih dari seorang penerima dalam satu masa




FUNGSI DRIVE

Drive dapat mengurangkan risiko kehilangan data dan memudahkan perkongsian fail kepada pengguna lain. Ia adalah berasaskan perkhidmatan awan (*cloud*).



JENIS FAIL YANG BOLEH DIWUJUDKAN DAN DIKONGSI DI GOOGLE DRIVE

Dokumen: Dokumen yang boleh diwujudkan dan disimpan adalah Google Docs.



Borang (Forms): Forms dapat memudahkan pengguna menyediakan borang secara atas talian dan pautan dapat dikongsi kepada pengguna lain. Forms boleh digunakan sebagai borang pendaftaran, ujian dalam talian, kuiz, borang maklum balas dan lain-lain.

A screenshot of the "eKuiz Edisi 1.0" form interface. It displays four questions, each with a "Short-answer text" or "Long-answer text" input field. The questions are: "Masukkan nama penuh anda.", "Masukkan e-mel rasmi anda.", "Masukkan nama agensi anda.", and "Masukkan nama kementerian anda." The interface includes tabs for "Questions" and "Responses".

Pembentangan (Slides): Slides boleh disediakan di dalam Google Drive. Slides menjadikan pembentangan lebih menarik dan interaktif.




Spreadsheets: Pengguna boleh mewujudkan Spreadsheets dengan Google Sheets. Antara tugas yang boleh dilaksanakan adalah membuat pengiraan, jadual dan laporan kewangan.

A screenshot of a Google Sheets spreadsheet titled "Jadual Latihan". The spreadsheet contains a table with columns labeled A through P and rows numbered 1 through 25. The data in the table is as follows:



	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P
1	TARIKH	TEMPAT														
2	19/04/2024	Bilik Latihan 1														
3	20/04/2024	Bilik Latihan 2														
4	21/04/2024	Bilik Latihan 3														
5	22/04/2024	Bilik Latihan 4														
6																
7																
8																
9																
10																
11																
12																
13																
14																
15																
16																
17																
18																
19																
20																

PERKHIDMATAN KOMUNIKASI DAN KOLABORATIF (SITES)

Perkhidmatan Komunikasi dan Kolaboratif (Sites) adalah perkhidmatan yang membolehkan pengguna mencipta laman web dengan mudah dan berkesan untuk berkongsi maklumat dengan semua pengguna MyGovUC.



Sites



KELEBIHAN SITES


Google Sites tidak menggunakan banyak skrip dan hanya melakukan pengecilan saiz imej yang minima untuk membuat laman web lebih pantas. Oleh itu, pengguna hendaklah sentiasa memantau saiz imej supaya laman web Google lebih cepat, terutamanya di peranti mudah alih.




Menyediakan templat laman web yang menarik untuk kegunaan projek atau aktiviti tertentu mengikut keperluan pengguna.



Fungsi yang tersedia berupaya diakses melalui pelbagai peranti dan mudah digunakan.




Paparan laman web boleh dikongsi kepada pengguna lain melalui kebenaran akses yang ditetapkan.



Pengguna boleh mencipta laman web tanpa perlu mempelajari bahasa pengaturcaraan atau reka bentuk laman web.

PERBUALAN SECARA BERKUMPULAN (CHAT)



 Perbualan secara berkumpulan (Chat) secara selamat. Ciri-ciri istimewa fungsi Chat di MyGovUC 3.0



Boleh membuat jemputan perbualan melalui pautan

01



Paparan status kehadiran

02



Chat Room untuk *Discussion Group*

03



Pin perbualan mesej atau *room* yang diingini



04



Boleh membuat notifikasi mesej berdasarkan keperluan


05

Perkhidmatan ini juga berupaya menyimpan sejarah Chat, perkongsian fail, pembahagian tugas dalam kumpulan dan membuat persidangan video secara terus dengan pasukan kerja.



PORTAL RASMI MyGovUC 3.0

Portal MyGovUC digunakan sebagai *one stop centre* bagi mendapatkan maklumat yang terkini mengenai perkhidmatan MyGovUC.



Layari <https://mygovuc.gov.my> untuk maklumat lebih lanjut tentang Perkhidmatan MyGovUC 3.0

1

Mendapatkan maklumat yang terkini

2

Medium penyebaran maklumat dan pengiklanan kepada para pengguna

3

Dokumen-dokumen yang boleh dimuat turun oleh pengguna

Portal MyGovUC

mengandungi maklumat berikut:

- Mengenai MyGovUC
- Direktori Pasukan Projek MyGovUC
- Perkhidmatan *Software as a Service (SaaS)* MyGovUC
- Perkhidmatan Aplikasi Sokongan
- Galeri Foto dan Video
- Penerbitan MyGovUC
- *Tips & Tricks*
- Pembelajaran Atas Talian
- Meja Bantuan MyGovUC


SISTEM PENGHANTARAN DOKUMEN SULIT DAN TERHAD (SPDT)

Disediakan untuk tujuan penghantaran maklumat rahsia rasmi (sulit dan terhad) secara selamat kepada pengguna.

Keselamatan SPDT




- Confidential Mode
- Pengesahan Kata Laluan
- Penetapan tarikh tamat tempoh pautan



Penghantaran Dokumen Sulit atau Terhad



Imbas Kod QR untuk melihat manual penuh SPDT




Platform bagi mengakses SPDT


- Mobile Phone
- Windows




Menu log masuk




Portal Rasmi MyGovUC



Klik pada 9 dots



Klik pada SPDT



Akaun Google Workspace (GWS)

Perkhidmatan Mail Relay

Perkhidmatan Mail Relay adalah salah satu daripada aplikasi sokongan yang ditawarkan kepada agensi di bawah Perkhidmatan MyGovUC 3.0. Hanya aplikasi agensi yang **SAH** dan **BERDAFTAR** sahaja dibenarkan menghantar notifikasi serta hebahan e-mel kepada penerima e-mel yang terdiri daripada penerima di bawah Perkhidmatan MyGovUC 3.0 ataupun pengguna e-mel lain (seperti Yahoo, Hotmail, Gmail dan sebagainya).

Antara fungsi Perkhidmatan Mail Relay adalah untuk menghantar notifikasi/hebahan e-mel **berskala besar/pukal** daripada aplikasi agensi yang telah berdaftar dengan Perkhidmatan Mail Relay MyGovUC 3.0 dan untuk mengelakkan domain dan alamat IP aplikasi agensi daripada disenarai hitamkan kerana menghantar notifikasi/hebahan e-mel yang berskala besar.

Setiap notifikasi e-mel yang dihantar akan melalui proses pengesahan (*authentication*) dan kebenaran (*authorization*) untuk mengelakkan notifikasi e-mel disalahguna seperti penghantaran e-mel *spam*, *phishing* dan sebagainya.

Perkhidmatan Mail Relay MyGovUC 3.0 beroperasi di PDSA Putrajaya (*Primary*) dan PDSA Bandar Enstek (DRC).

Had maksima 10,000 penghantaran notifikasi atau hebahan e-mel dalam masa 24 jam bagi alamat penghantar yang mempunyai *mailbox* manakala tiada had limitasi penghantaran e-mel bagi alamat penghantar yang tiada mailbox.

Sistem Pengurusan Maklumat Pengguna (SPMP)

1. Dahulu dikenali sebagai Sistem Maklumat Profil Pengguna (UPMS).
2. Menguruskan maklumat profil semua pengguna Perkhidmatan MyGovUC di kementerian/ agensi.
3. Sistem SPMP akan berkomunikasi dengan sistem SSO platform GWS.



AKTIVITI AKAN DATANG!

2024

Latihan

01

Latihan Pengguna dan Pentadbir UC akan dilaksanakan dalam bulan April dan Mei.

Taklimat pengguna akan dilaksanakan pada bulan Mei.

02

Taklimat Pengguna

RUJUKAN

Ini adalah **pautan penting** yang perlu pengguna kunjungi sebagai panduan utama untuk menangani sebarang masalah yang mungkin timbul dalam penggunaan MyGovUC 3.0.



AKSES

PERKARA

- [Portal Rasmi MyGovUC 3.0](#)
- [Sistem Pengurusan Maklumat Pengguna \(SPMP\)](#)
- [Sistem Penghantaran Dokumen Sulit dan Terhad \(SPDT\)](#)
- [Perkhidmatan Mail Relay](#)
- [Sistem Meja Bantuan \(Helpdesk\)](#)



MAKLUMAT

PERKARA

- [Soalan Lazim \(FAQs\)](#)
- [Hebahan](#)



SUPPORT
HELPDESK

- ☎ 03-8684 8484
- ✉ mejabantuan@mygovuc.gov.my
- ⚡ Freshservice



EKUIZ

KLIK “DI SINI” UNTUK MENJAWAB EKUIZ

Menangi hadiah yang menarik dengan menjawab eKuiz e-BULETIN 1 ini!

Sepuluh (10) responden terpantas dengan jawapan yang betul akan dipilih sebagai pemenang dan akan dihubungi melalui e-mel rasmi pengguna

Diterbitkan oleh:

**Bahagian Pembangunan Perkhidmatan
Gunasama Infrastruktur
Dan Keselamatan Digital**

**Jabatan Digital Negara (JDN)
Kementerian Digital**